

Ransomware

Ransomware merupakan salah satu bentuk malware yang boleh menyerang mana-mana pengguna komputer atau mobile yang tidak mempunyai perlindungan keselamatan. Adalah sukar untuk mendapatkan semula data yang telah dikawal oleh penggodam.

Untuk makluman, UKM sentiasa berusaha memastikan semua laman web sentiasa selamat dan dilindungi daripada sebarang ancaman. Walau bagaimanapun, ancaman baru sentiasa ada. Oleh itu, tindakan penambahbaikan dan pengukuhan yang berterusan dilaksanakan.

Pengguna internet dinasihatkan menggunakan perisian antivirus yang baik dan berkesan. Selain itu, pelayar web juga perlu dipastikan versinya adalah terkini.

Kronologi Ransomware di UKM

- 1) Ransomware mula menyerang Malaysia sejak dari tahun 2013 menurut laporan yang dikeluarkan Cyber999 CyberSecurity Malaysia

Tahun	Organisasi	Individu	Jumlah
Jan 2015	2	2	4
2014	2	1	3
2013	0	2	2

Jadual: Ransomware yang dilaporkan oleh Cybersecurity Malaysia

- 2) Spora Ransomware mula menyerang dunia pertengahan bulan Januari 2017. Beberapa laman web UKM juga telah diserang Ransomware sejak akhir-akhir ini dan UKM bukanlah organisasi pertama yang diserang. Terdapat beberapa aduan dari pelajar pada bulan Februari 2017 yang melaporkan komputernya telah dijangkiti malware Spora Ransomware apabila melawat beberapa laman web UKM .
- 3) Pusat Teknologi Maklumat juga telah mengenalpasti hanya beberapa sahaja laman web UKM yang mempunyai kelemahan (Vulnerabilities) dan memudahkan pihak tertentu untuk menjadikan tempat meletakkan Ransomware injection ke dalamnya. Namun laman-laman web ini telah dikenalpasti dan telah meminta pihak berkenaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Bagi pihak,


ICTSO UKM

AMARAN RANSOMWARE: Jangan Klik UPDATE!

Mohon semua Warga UKM tidak klik butang UPDATE pada mesej yang dipaparkan apabila melayari mana-mana laman web. Berhati-hati, ini adalah malware (google Chrome Malware) yang boleh menyebabkan PC anda dijangkiti ransomware.



Ransomware yang dikenali sebagai Spora Ransomware akan menyebabkan data dalam PC anda tidak boleh dicapai.



Pastikan PC anda dilengkapi dengan antivirus yang terkini. Muat turun antivirus SEP di www.ukm.my/ptm.

Sumber: mycert.org.my

<http://thehackernews.com/2017/02/HoeflerText-font-chrome.html>